

04 OCT 2001

Hishamuddin-Islam

CABARAN PAS TAK PERLU DILAYAN, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Cabaran PAS supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengisytiharan di Parlimen bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam tidak perlu dilayan, kata Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Ada banyak lagi perkara yang boleh dibincangkan di Parlimen daripada dibangkitkan isu retorik kosong," katanya pada sidang media selepas menerima sumbangan dari empat pertubuhan bukan kerajaan untuk Tabung Ehsan Pelarian Afghan anjuran pergerakan itu di ibupejabatnya di sini hari ini.

Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor telah mencabar Perdana Menteri supaya membuat pengisytiharan di Parlimen bahawa Malaysia adalah negara Islam supaya semua anggota dewan boleh membahaskannya.

Hishammuddin berkata perkara yang lebih besar seperti pesepsi dunia terhadap Islam dan keganasan, hak asasi manusia serta kemungkinan serangan balas Amerika merupakan isu semasa yang perlu diberi perhatian pada masa ini.

Kempen Tabung Ehsan Pelarian Afghan anjuran Pemuda Umno yang dilancarkan semalam akan berlangsung selama enam bulan dengan penghantaran bantuan pertama dijadual pada pertengahan bulan depan.

Hari ini sebanyak RM50,000 lagi dikutip menjadikan jumlah tabung itu sehingga kini RM252,000.

Yang menyumbang untuk tabung tersebut hari ini adalah Sekretariat Melayu Muda (RM15,000), Gerakan Belia 4B Bentong (RM15,000), Angkatan Muda Dakwah (RM10,000) dan Warga Muda Melayu Malaysia (RM10,000).

-- BERNAMA

AZH AHH MAI